

## PAKSI TAWHIDIK DAN KESATUAN ILMU

Nor 'Adha Abdul Hamid<sup>1</sup>, Mohd Farok Mat Nor<sup>2</sup>, Mohd Norzi Nasir<sup>3</sup>,  
Nurkaliza Khalid<sup>4</sup>, Rahmatunnisah Sailin<sup>5</sup>, Abdul Hadi Awang<sup>6</sup>, Norziah  
Othman<sup>7</sup>

[noradha@kuis.edu.my](mailto:noradha@kuis.edu.my)<sup>1</sup>, [mohdfarok@kuis.edu.my](mailto:mohdfarok@kuis.edu.my)<sup>2</sup>,  
[mohdnorzi@kuis.edu.my](mailto:mohdnorzi@kuis.edu.my)<sup>3</sup>,  
[nurkaliza@kuis.edu.my](mailto:nurkaliza@kuis.edu.my)<sup>4</sup>, [rahmatunnisah@kuis.edu.my](mailto:rahmatunnisah@kuis.edu.my)<sup>5</sup>,  
[abdulhadi@kuis.edu.my](mailto:abdulhadi@kuis.edu.my)<sup>6</sup>, [norziah@kuis.edu.my](mailto:norziah@kuis.edu.my)<sup>7</sup>,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### ABSTRAK

Al-Quran menggariskan lima kaedah untuk manusia mengetahui dan mendapat ilmu, iaitu melalui ta'qqul (berfikir), tadhakkur (mengingat), tafakkur (berfikir secara mendalam), tadabbur (merenung) dan tafaqquh (memahami). Sumber pengetahuan dalam Islam adalah daripada wahyu yang merupakan puncak segala sumber pengetahuan dan ilmu sejagat. Ilmu tersebut diperolehi dengan menggunakan nikmat akal, pancaindera dengan keimanan yang kuat kepada ketauhidan Allah swt. Kertas kerja ini akan mengupas dan merefleksi semula konsep dan falsafah kesatuan ilmu yang terhubung jalin dengan paksi tawhidik kepada pencipta seluruh makhluk dan alam ini. Islam memandang ilmu secara epistemologi sebagai ketibaan dalam qalbu seseorang tentang makna sesuatu perkara, atau 'Ilmu adalah tiba maknanya ke dalam diri dan tibanya diri kepada makna'. Kupasan juga akan dilakukan terhadap pengertian ilmu yang telah disempitkan dan dimodenkan oleh dunia barat kepada pengetahuan maklumat dan kemahiran semata-mata, atau ilmu yang hanya merujuk kepada pengenalan atau persepsi yang jelas tentang fakta yang cuma boleh ditanggapi oleh pancaindera zahir dan bersifat empiris.

**Kata Kunci:** Tawhidik, kesatuan ilmu, epistemologi

## 1.0 PENGENALAN

Semua makhluk ciptaan Allah swt tertakluk kepada struktur *governance*/tadbir urus yang telah ditetapkan oleh Allah swt, termasuklah manusia, alam semesta dan semua benda yang tidak bernyawa. Alam semesta dan semua benda tidak bernyawa tertakluk kepada struktur tadbir-urus yang telah ditetapkan oleh Allah swt. Semua makhluk wajib tunduk patuh kepada struktur tadbir urus iaitu fitrah yang telah ditetapkan oleh PenciptaNya. Insan tidak akan menjadi insan jika tidak mengikuti fitrahnya. Begitu juga alam semesta dan benda-benda yang tidak bernyawa, semuanya wajib mengikuti fitrahnya iaitu undang-undang fizik (*physical law*). Contoh yang jelas adalah pergerakan bumi. Bumi telah ditetapkan untuk terus berputar di atas paksinya dan tidak boleh menolak untuk tidak mahu berputar di atas paksinya, sebagaimana firman Allah swt yang bermaksud:

"Dan Dialah yang menciptakan malam dan siang, matahari dan bulan. Kesemuanya beredar (*yasbahuun*) dalam dalam garis edarnya/falaknya."

(Al Anbiyaa' 21 : 33)

"Dan matahari beredar (*tajri*) ke tempat tujuannya (*mustaqar*). Demikianlah yang ditentukan oleh yang maha perkasa lagi maha mengetahui."

(Yasin :38-39)

Begitu juga haiwan ditadbir urus oleh struktur tadbir urus yang telah ditetapkan untuknya iaitu tabiat. Haiwan akan mengawan apabila tiba musim mengawan yang telah ditetapkan oleh struktur tadbir urus untuk mereka. Haiwan akan mengawan pada musim yang telah ditetapkan tanpa mengira persekitaran ataupun di tempat yang terbuka. Hanya manusia yang mempunyai pilihan. Kita juga dianugerah dengan tadbir urus iaitu fitrah kita, malangnya kebanyakan kita tidak mematuhi. Alam semesta, semua benda yang tidak bernyawa dan haiwan tidak ada pilihan, akan mengikuti apa yang telah ditetapkan oleh fitrahnya. Insan pula, bebas memilih kelakuan (*choice/free will*) yang dikehendakinya dan bebas untuk bertindak mengikut pilihannya. Manusia boleh patuh kepada perintah Allah swt umpama bumi yang sentiasa

berpusing di atas paksinya. Insan juga boleh turun ke darjat binatang, berkelakuan seperti binatang. Inilah salah satu karakteristik apa maksud menjadi manusia.

Apabila manusia bebas untuk memilih tindakannya, mereka memerlukan pertimbangan (*judgement*) atau membuat keputusan. Dalam membuat pertimbangan, insan menggunakan hikmah iaitu qalbu. Walaubagaimanapun, memiliki kebebasan untuk bertindak masih tidak cukup untuk menjadikan seseorang itu insan kerana kebebasan untuk memilih mesti mempunyai had tertentu. Bagi menentukan had tersebut, manusia memerlukan ilmu untuk membuat keputusan. Persoalan penting yang memerlukan jawapan adalah “Bagaimana kita tahu?” Al-Quran menyuruh kita untuk berfikir. Maka Al-Quran merupakan garis panduan kita. Dalam ertikata yang lain, sekiranya seseorang itu tidak menjadikan Al-Quran sebagai garis panduan, mereka bukanlah insan dalam ertikata yang sebenarnya. Al-Quran merupakan permata dan mutiara berkilau di dalam menyatukan segala ilmu di dunia.

## 2.0 KESATUAN ILMU

Menurut takrifan, perkatan ‘kesatuan’ antara lain, membawa maksud keadaan yang satu (tunggal), mengenai keesaan Allah swt ataupun keadaan yang satu (sama) (Kamus Dewan (edisi keempat), 2007, hlm. 1397). Manakala perkataan ‘ilmu’ pula bermaksud, antara lain, pengetahuan dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain. Ilmu juga bermaksud kajian bukan sesuatu perkara (seperti bumi, masyarakat dan lain-lain) (Kamus Dewan (edisi keempat), 2007, hlm. 567).

Jika kita merujuk kepada perkataan Arab pula, ‘ilm merujuk kepada perkataan ‘pengetahuan’ (*knowledge*). Perkatan ‘ilm juga disamakan dengan perkataan lain seperti ‘*makrifah*’ (mengetahui sesuatu yang tidak diketahui melalui pengalaman atau refleksi) dan *shu’ur* (mengetahui sesuatu yang tidak diketahui melalui persepsi) (Mohd. Nasir Omar, 2005, hlm. 6).

Namun, pengertian ilmu daripada sudut kaca mata golongan Barat Modern agak sempit kerana golongan ini berpendapat, ilmu merangkumi tiga aliran pemikiran yang utama iaitu, mazhab empirisisme, rasionalisme dan pragmatisme (Noor Hisham Md Nawawi, 2011). Jika dibandingkan dengan pengertian ilmu dari sudut pandangan Islam, sebagai contohnya, Al-Attas (1978). Beliau mentakrifkan ilmu dengan menggunakan takrif yang digunapakai oleh Fakhruddin Al-Razi dalam bentuk yang telah diubah suai dan ditambah baik, iaitu, “Apabila merujuk kepada Allah swt sebagai sumber segala ilmu, dan ilmu tersebut adalah adalah ketibaan makna bagi sesuatu ke dalam diri seseorang. Sebaliknya, apabila merujuk kepada diri sebagai penafsir, ilmu adalah ketibaan diri seseorang kepada makna tentang sesuatu” (Noor Hisham Md Nawawi, 2011). Definisi daripada sudut pandangan Islam ini menekankan bahawa Allah swt adalah sumber sebenar ilmu dan manusia adalah makhluk yang aktif yang perlu berusaha mendapatkan ilmu (Awang Sariyan, 2009) dan ajaran agama Islam itu sendiri, semua penganutnya memperakui bahawa sumber ilmu adalah semestinya datang daripada sumber yang satu, iaitu Allah swt (Awang Sariyan, 2009).

**a) Konsep Ilmu/علم**

Pengertian ilmu telah disempitkan dan dimodenkan kepada pengetahuan maklumat dan kemahiran sahaja. Dalam pengertian barat, ilmu hanyalah merujuk kepada pengenalan atau persepsi yang jelas tentang fakta. Fakta pula merujuk kepada perkara-perkara yang boleh ditanggapi oleh pancaindera zahir dan bersifat empiris. Kewujudan perkara lain di luar keupayaan pancaindera tersebut dianggap bukan fakta dan tidak termasuk dalam bidang ilmu. Mengikut pandangan mereka secara automatik ajaran agama terkeluar daripada takrif dan ruang lingkup ilmu dan dianggap sebagai kepercayaan semata-mata. (Jujun S. Suriasumantri. 1997).

Mengikut kefahaman barat, bagi memperoleh ilmu adalah dengan pendekatan yang dilakukan secara *ratio*. Ini berdasarkan pada pengalaman serta pemerqalbuan, pengkajian dan pemeriksaan dengan menggunakan

pancaindera sebagai alat-alat penerima kenyataan luaran. Cara ini, sebagai suatu rencana *rasionalisme*, dikenali juga dengan nama *empiricism*.

Imam Ghazali Rahimahullah Ta'ala (1993) berkata:

"Ilmu yang memberi manfaat itu adalah ilmu yang menambahkan perasaan takutmu kepada Allah Ta'ala; (ilmu) yang menambahkan celik mata qalburnu terhadap keaiban-keaiban dirimu; (ilmu) yang menambahkan ibadahmu kepada Tuhanmu 'Azza wa Jalla dengan sebab makrifatmu kepadaNya; (ilmu) yang mengurangkan gemar kasihmu kepada dunia; (ilmu) yang menambahkan gemar kasihmu kepada akhirat; (ilmu) yang membukakan pandangan mata qalburnu terhadap kebinasaan-kebinasaan segala amalmu sehingga kamu dapat memeliharakan dirimu daripadanya; (ilmu) yang menampakkan kepada kamu segala tipu daya syaitan dan penipuannya".

Pemahaman ini juga bertepatan dengan penjelasan Muhammad Mumtaz Ali (Mohd Zariat Abd Rani, 2004: 182) tentang “علم” (ilmu) itu berasal daripada kata “alama” yang bermaksud “tanda: (*sign*) yang jika dirujuk dalam kehidupan manusia, dapat difahami sebagai “petunjuk” (*guidance*) yang dapat memberikan pedoman kepada insan dalam mengharungi kehidupan di muka bumi ini. Malahan menurut beliau lagi, “alama” (tanda) ini juga bukan sahaja dapat menjadikan insan lebih mengenali hakikat diri insan bahkan membantu mereka memahami kedudukan dan hakikat tuhaninya.

#### **b) Pembahagian Ilmu**

Para ilmuan Islam bersetuju secara teorinya bahawa ilmu dibahagikan kepada dua komponen penting iaitu; ilmu agama (*revealed knowledge* atau nama lain bagi ilmu agama seperti ilmu *diniyya*, *illahiyya*, *milliyya* dan *naqliyya*) dan ilmu falsafah (*falsafiyya*) atau dikenali juga sebagai ilmu hikmah (*hikmiyya*). Pada zaman generasi Y ini, ilmu agama lebih dikenali sebagai ilmu fardu ain dan ilmu falsafah dikenali sebagai ilmu fardu kifayah (Mohd. Nasir Omar, 2005, hlm. 8-9). Ilmu agama (*revealed knowledge*) ini lebih untuk mengubati jiwa manusia dan memberi pedoman bagi menikmati kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Ada empat bahagian penting bagi ilmu agama ini iaitu, ilmu al-

quran, ilmu al-hadith, ilmu feqah dan ilmu kalam (Mohd. Nasir Omar, 2005). Namun, mengikut pandangan al-'Amiri, tujuan utama mempelajari ilmu agama adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah swt. Ilmu ini tidak mementingkan keperluan individualistik, tetapi lebih kepada kemaslahatan umat dan kepentingan sejagat. Dengan ini juga menunjukkan ilmu agama adalah ilmu yang paling mulia, kudus dan berdarjat tinggi. Menurut beliau juga, ilmu agama boleh dikelaskan kepada tiga bahagian, iaitu, pertama, ilmu berasaskan persepsi indera iaitu ilmu ahli hadith. Kedua pula, ilmu berasaskan akal iaitu ilmu ahli kalam dan yang terakhir, ilmu berasaskan kedua-dua persepsi indera dan akal secara serentak iaitu ilmu para *fuqaha*'. Ilmu bahasa pula dijadikan alat kepada ilmu-ilmu tadi dan alat bagi menguasai ilmu-ilmu lain yang berguna. Tokoh Islam turut melarang secara keras untuk mempelajari ilmu yang tidak berguna seperti ilmu sihir, magis, ilmu ghaib, silap mata, tangkal dan azimat dan yang lain-lain (Mohd. Nasir Omar, 2005).

Manakala, ilmu falsafah atau ilmu perolehan (*acquired knowledge*) lebih dikenali dalam istilah ayat-ayat al-quran sebagai 'al-hikmah' (ilmu falsafah atau ilmu rasional). Ilmu al-hikmah ini ditekankan dalam ayat al-quran (16:125), mengenai pensyaratan orang Islam supaya 'berhikmah' semasa menyampaikan Islam kepada orang lain (berdakwah). Penekanan ini menunjukkan ilmu falsafah atau ilmu 'al-hikmah' adalah perlu dipelajari dan dimiliki dalam usaha-usaha sewaktu penyebaran agama Islam dilakukan. Sebagai contoh, ilmu hikmah ini dimiliki oleh para nabi yang diutuskan oleh Allah swt kepada umat Islam, antaranya, Nabi Daud a.s (kekuatan besi/menempa senjata), Nabi Ibrahim a.s (pakar dalam bidang pembinaan) dan Nabi Muhammad saw (arif dalam bidang perniagaan, politik, teknik dalam peperangan) (Mohd. Nasir Omar, 2005).

### **c) Ilmu Falsafah Islam**

Ahli falsafah Islam mengelaskan ilmu falsafah atau ilmu perolehan (*acquired knowledge*) terbahagi kepada dua bahagian, iaitu teori dan praktik. Tujuan mempelajari ilmu teori ini ialah untuk mendapatkan ilmu bagi keyakinan, ketenangan dan kepastian seperti ilmu mengenai ketauhidan Allah swt

Sementara tujuan mempelajari ilmu praktik pula ialah berfungsi mendapatkan ilmu dan kebenaran untuk dijiwai dan dihayati seperti ilmu ekonomi, politik dan akhlak. Namun, tidak dinafikan bahawa ilmu falsafah mestilah terdiri daripada gabungan teori dan praktik pada masa yang sama. Secara khususnya, segala jenis ilmu yang dipelajari oleh akliah manusia adalah bahagian ilmu falsafah (*acquired knowledge*/ilmu perolehan) (Mohd. Nasir Omar, 2005, hlm. 14-15). Tambahan pula, ilmu pengetahuan yang dikelaskan sebagai ‘ilm ‘aqli ini perlu dipelajari dan dikembangkan sebagai pelengkap kepada ilmu agama (Abdul Monir Yaacob, 1994, hlm. 42).

#### **d) Konsep Islamisasi Ilmu**

Dalam agama Islam sendiri, ilmu itu bermaksud kebenaran (*al-haqq*) (*the truth*) dan berlawanan dengan perkataan ‘kejahilan’(*al-jahl*) (*ignorance*) dan sangkaan (*al-zann*) (*thought/estimate*). Dalam ayat quran seperti 12:76, 29:43, 58:11, menekankan bahawa umat manusia mestilah berilmu, yang membawa kepada kebenaran yang hakiki, iaitu Allah swt (*al-haqq*). Beberapa penulis menukikan bahawa istilah al-quran *al-‘ilm*, merujuk kepada ilmu yang berpunca daripada Allah swt iaitu ilmu wahyu (*revealed knowledge*) manakala istilah ‘ilm merujuk kepada ilmu perolehan (*acquired knowledge*) atau ilmu kemanusiaan (*human knowledge*). Perlu ditekankan di sini bahawa ilmu kemanusiaan ini tertakluk kepada perubahan dan kesalahan kecuali setelah diperakui oleh ilmu wahyu (Abdul Monir Yaacob, 1994, hlm. 17). Ilmu wahyu (agama) mempunyai kebenaran yang mutlak dan menduduki tempat yang paling tinggi sebagai sumber segala ilmu, manakala ilmu kemanusiaan pula sering diambil kesempatan atau dimanipulasi oleh pelbagai kelemahan sifat manusia seperti kejahilan, buruk sangka, *bias*, nafsu, persepsi, metodologi dan sebagainya.

Konsep Islamisasi ilmu ini bukanlah bermaksud proses yang menggantikan ilmu yang sedia ada dengan ilmu yang baru, yang telah ‘diislamkan’ tetapi ia bermaksud, proses membina satu metodologi untuk berurusan dengan ilmu dan sumbernya. Ianya juga bermaksud proses menyaring atau membersihkan semula ilmu yang benar itu daripada pelbagai elemen negatif seperti buruk

sangka, jahil, *bias*, dengki dan lain-lain. Proses islamisasi juga membawa maksud proses menyerapkan prinsip Islam ke dalam kaedah, metodologi, strategi, data, objektif, matlamat dan aspirasi sesuatu bidang ilmu seperti ilmu sains dan teknologi. Proses penerapan prinsip dan visi Islam ini amat perlu dalam menjaga kemaslahatan umat dan manusia sejagat (Abdul Monir Yaacob, 1994, hlm. 18, 44).

#### e) Al-Quran dan Keberadaannya Merentasi Zaman

Al-Quran merupakan *masdar* (rujukan utama) kepada segala bidang ilmu yang ada samada yang tersirat (*tacit*) mahupun tersurat (*explicit*). Pemahaman yang sebenar kepada al-quran bukan hanya tertumpu kepada yang tersurat sahaja, tetapi apa yang tersirat melebihi apa yang tersurat. Hanya perlu kepada keimanan barulah boleh mengupas dan mengambil mutiara yang tersirat di dalam al-Quran. Menurut Zaidi Ismail (2010), insan pada asasnya memperoleh ilmu melalui empat saluran utama berikut:

- a. Pancaindera yang sejahtera (*Al-Hawas al-Salimah*)
- b. Berita yang Benar/Wahyu (*Al-Khabar al-Sadiq*)
- c. Aqal yang sihat (*Al- 'Aql*)
- d. Ilham/Intuisi

Tradisi ilmiah tamadun Islam secara keseluruhannya mengakui bahawa setiap saluran tersebut mempunyai kedudukan dan peranannya masing-masing dalam usaha insan mencapai kebenaran ilmu; justeru, tradisi tersebut tidak terjebak dalam gejala menjulang sesuatu saluran itu sehingga ke tahap mempertikaikan dan acapkali juga menafikan fungsi serta kepentingan saluran-saluran yang lain, yang pada akhirnya dalam sejarah pemikiran barat menerbitkan aliran ataupun anutan melampau tertentu seperti rasionalisme ataupun empirisme.

Gabungan antara keempat-empat saluran di atas akan terlaksana dengan harmoni, seimbang dan sempurna jika sekiranya tidak menafikan salah satu daripadanya. Sekiranya mengagungkan atau menekankan kepada salah satu saluran daripada ilmu itu sahaja dan mengenyepikan saluran-saluran yang lain,

maka berlakulah pemisahan antara akal (rasional) dan pancaindera (empirisme) atau pemisahan antara aqal dan wahyu.

### 3.0 LIMA KAEDAH MEMPEROLEHI ILMU DALAM ISLAM

Al-Quran menggariskan lima cara untuk manusia mengetahui atau mendapat ilmu, iaitu melalui ta'qqul (berfikir), tadhakkur (mengingat), tafakkur (berfikir secara mendalam), tadabbur (merenung) dan tafaqquh (memahami).

Berikut merupakan beberapa pembuktian daripada al-Quran yang berkaitan dengan seruan berfikir:

a) Seruan *ta'qqul* (تعقلون). Surah al-Baqarah ayat 44 yang bermaksud:  
*'Mengapa kamu menyuruh orang lain melakukan kebajikan, sedangkan kamu melupakan dirimu sendiri, padahal kamu membaca kitab (Taurat), apakah kamu tidak (berakal) berfikir?'*

b) Seruan *tadhakkur*. Surah Ali Imran ayat 190-191 bermaksud:  
*'Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan pergantian malam dan siang, terdapat tanda-tanda (kebesaran) Allah swt bagi orang yang berakal. Iaitu orang-orang yang mengingat Allah swt sambil berdiri, duduk, atau dalam keadaan berbaring, dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata), "Ya Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan sesuatu dengan sia-sia; Mahasuci Engkau, lindungilah kami dari azab neraka.'*

c) Seruan *tafakkur*. Surah ar-Ra'd ayat 3 bermaksud:  
*'Dan Dia yang menghamparkan bumi dan menjadikan gunung-gunung dan sungai-sungai di atasnya. Dan padanya Dia menjadikan semua buah-buahan berpasang-pasangan; Dia menutupkan malam kepada siang. Sungguh, pada demikian itu terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah swt) bagi orang-orang yang berfikir.'*

d) Seruan *tadabbur*. Surah an-Nisa ayat 82 bermaksud:

*'Maka tidakkah mereka menghayati (mendalami) al-Quran? Sekiranya al-Quran itu bukan dari Allah swt, pastilah mereka menemukan banyak hal yang bertentangan di dalamnya.'*

e) Seruan *tafaqquh*. Surah al-A'raf ayat 179 bermaksud:

*'Dan sungguh akan Kami isi neraka jahanam banyak dari kalangan jin dan manusia. Mereka mempunyai qalbu tetapi tidak dipergunakan untuk memahami ayat-ayat Allah swt. Dan mereka memiliki mata tetapi tidak dipergunakan untuk melihat tanda-tanda kekuasaan Allah swt, dan mereka mempunyai telinga tetapi tidak dipergunakan untuk mendengar ayat-ayat Allah swt. Mereka seperti haiwan ternak, bahkan lebih sesat lagi. Mereka itu orang-orang yang lengah.'*

#### **4.0 KONSEP KESATUAN ILMU DAN KEPENTINGAN KEPADA PAKSI TAWHIDIK**

Alam ini pada hakikatnya adalah gelap. Alam menjadi terang kerana ada kenyataan Allah swt padanya. Begitu juga dengan insan yang jiwa dan hatinya menjadi terang tatkala ilmu diperolehi dan diamalkan. Misalkan kita berdiri di atas puncak sebuah bukit pada waktu malam yang gelap gelita. Apa yang dapat dilihat hanyalah kegelapan. Apabila hari siang, matahari menyinarakan sinarnya, kelihatanlah tumbuh-tumbuhan dan haiwan yang menghuni bukit itu. Kewujudan di atas bukit itu menjadi nyata kerana diterangi oleh cahaya matahari. Cahaya menzahirkan kewujudan dan gelap pula membungkusnya. Jika kegelapan hanya sedikit maka kewujudan kelihatan samar. Sekiranya kegelapan itu tebal maka kewujudan tidak kelihatan lagi. Hanya cahaya yang dapat menzahirkan kewujudan, kerana cahaya dapat menghalau kegelapan. Cahaya ini boleh disamakan dengan ilmu yang menyinari.

Kegelapan yang menutupi mata hati menyebabkan hati terpisah daripada kebenaran. Hatilah yang tertutup sedangkan kebenaran tidak tertutup. Dalil

atau bukti yang dicari bukanlah untuk menyatakan kebenaran tetapi adalah untuk mengeluarkan hati dari lembah kegelapan kepada cahaya yang terang benderang bagi melihat kebenaran yang sememangnya tersedia ada, bukan mencari kebenaran baharu. Cahayalah yang menerangi atau membuka tutupan hati. Nur Ilahi adalah cahaya yang menerangi hati dan mengeluarkannya dari kegelapan serta membawanya menyaksikan sesuatu dalam keadaannya yang asli. Apabila Nur Ilahi sudah membuka tutupan dan cahaya terang telah bersinar maka mata hati dapat memandang kebenaran dan keaslian yang selama ini disembunyikan oleh alam nyata. Bertambah terang cahaya Nur Ilahi yang diterima oleh hati bertambah jelas kebenaran yang dapat dilihatnya. Pengetahuan dan ilmu yang diperolehi melalui pandangan mata hati yang bersuluhkan Nur Ilahi dinamakan ilmu laduni atau ilmu yang diterima dari Allah swt secara langsung. Kekuatan ilmu yang diperolehi bergantung kepada kekuatan hati menerima cahaya Nur Ilahi.

Seseorang insan yang menyandarkan paksi tawhidik bagi proses memperolehi ilmu dan membesarkan keilmuan menjadikan hati yang bersih dan menyinarkan cahayanya. Cahaya hati ini dinamakan nur kalbu. Ia akan menerangi akal lalu akal dapat memikirkan dan merenungi tentang hal-hal ketuhanan yang menguasai alam dan juga dirinya sendiri. Renungan akal terhadap dirinya sendiri membuatnya menyedari akan perjalanan hal-hal ketuhanan yang menguasai dirinya. Kesedaran ini membuatnya merasakan dengan mendalam betapa hampirnya dengan paksi tawhidik iaitu penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah swt dengannya. Lahirlah di dalam hati nuraninya perasaan bahawa Allah swt sentiasa mengawasinya. Allah swt melihat segala gerak-gerinya, mendengar pertuturannya dan mengetahui bisikan hatinya. Jadilah dia seorang Mukmin yang cermat dan berwaspada. Seperti mana maksud hadith yang bermaksud “Sembahlah Allah swt seolah-olah kamu melihat Allah swt, Kalau sekiranya kamu tidak dapat melihat Allah swt, sesungguhnya Allah swt melihat kamu”.

## 5.0 KESIMPULAN

Manusia digesa supaya menggunakan akal fikirannya untuk mengkaji tentang kejadian-kejadian alam maya ciptaan Tuhan Maha Pencipta. Semakin mendalam pengetahuan tentang ciptaan Allah swt, semakin kelihatan kebesaran dan keagunganNya dan hasilnya akan berlakulah tautan dan kesatuan ilmu yang memanfaatkan seluruh isi alam. Apabila manusia bebas untuk memilih tindakannya, dia memerlukan pertimbangan (*judgement*) atau membuat keputusan. Dalam membuat pertimbangan, insan menggunakan hikmah iaitu qalbu. Walaubagaimanapun, memiliki kebebasan untuk bertindak masih tidak cukup untuk menjadikan seseorang itu insan kerana kebebasan untuk memilih mesti mempunyai had tertentu. Bagi menentukan had tersebut, manusia memerlukan ilmu untuk membuat keputusan. Persoalan yang penting yang memerlukan jawapan adalah “Bagaimana kita tahu?” Al-Quran menyuruh kita untuk berfikir. Maka Al-Quran merupakan garis panduan kita. Dalam ertikata yang lain, sekiranya seseorang itu tidak menjadikan Al-Quran sebagai garis panduan, dia bukanlah insan dalam ertikata yang sebenarnya.

Kesemua karakteristik yang telah disebutkan tadi akan menjadikan seseorang insan sebagai khalifah di muka bumi yang bebas untuk bertindak tetapi dalam had yang telah ditetapkan oleh Allah swt seperti yang termaktub dalam Al-Quran. Sebagai khalifah, insan membuat pertimbangan melalui qalbu dengan berpandukan Al-Quran. Khalifah mengambil amanah dan tanggungjawab yang diberikan oleh Allah swt, sementara menantikan kehidupan yang lebih abadi dan kekal.

## RUJUKAN

- Al-Quran Karim. Terjemahan Lafziyyah. 2012. Kuala Lumpur: Yayasan Restu.
- Abdul Monir Yaacob, *Ilmu Dan Kecemerlangan-Dari Perspektif Islam; Ilmu Sebagai Teras Keunggulan Ummah*, 1994, Kuala Lumpur, IKIM, Hlm. 42.
- Awang Sariyan, Kertas Kerja yang bertajuk: Islam dan cabaran Masa Kini: Aspek Ilmu dan Pendidikan, dibentangkan di Forum Perdana Islam dan Cabaramn Masa Kini, Universiti Malaysia Perlis (UniMap) pada 25 Ogos 2009.
- Jujun S. Suriasumantri. 1997. *Ilmu Dalam Perspektif: Sebuah Kumpulan Karangan Tentang Hakekat Ilmu*. Cet. Ketigabelas. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia. Hlm.5.
- Kamus Dewan (edisi keempat), 2007, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mohd. Nasir Omar, *Gagasan Islamisasi ilmu-Bab II-Landasan Konsep:Ilmu dan Islamisasi Ilmu*, 2005, Kuala Lumpur, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, Hlm. 6-23.
- Mohd Zaidi Ismail. (2010). Kertas kerja dibentangkan semasa Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan II – “Al-Asha‘irah dan Cabaran Mutakhir” pada 20-22 Julai 2010 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Hlm. 3.
- Noor Hisham Md Nawawi, , kertas kerja bertajuk: Pengajaran Dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden, dibentang di Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011 pada 18-20 Disember 2011 di Hotel Vistana Pulau Pinang.